

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PGT303 - PENGANTAR PENYELIDIKAN DAN KAJIAN TINDAKAN

TAJUK:

**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN VIDEO SELF-MODELLING (VSM) DALAM
MENGURANGKAN TINGKAH LAKU BERMASALAH TIDAK MEMBERI
RESPON APABILA GURU MEMINTA MEMPERKENALKAN DIRI DALAM
KALANGAN MURID AUTISME**

PENSYARAH :

PROF MADYA DR ASWATI HAMZAH

TUTORIAL :

1 PETANG - 2 PETANG (SELASA)

KUMPULAN 3 :

Bil.	Nama	No Matrik
1.	MOHD SIRHAN ZULHILMI BIN FERDINAND	145921
2.	MUHAMMAD HAKIM BIN ABDUL HAMID	148763
3.	ANIS ADIBAH BINTI MUNIR	148795
4.	JULIANA BINTI HAFIZ	149114
5.	JUWAIRIYAH BINTI MD RADZI	147944

TARIKH PENGHANTARAN:

18 JULAI 2022

Bil.	Isi Kandungan	Muka Surat
1.	1.0 PENGENALAN 1.1 Pengenalan Kajian 1.2 Latar Belakang Kajian 1.3 Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian 1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	 2 2-3 3-4 4
2.	2.0 SOROTAN KAJIAN 2.1 Pengenalan 2.1.1 Sorotan Kajian 1 2.1.2 Sorotan Kajian 2 2.2 Kerangka Teori 2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial 2.3 Intervensi 2.3.1 Panduan Guru Dalam Melaksanakan Intervensi	 5-6 6-7 8 9 9-10 10-11 11-12
3.	3.0 METODOLOGI KAJIAN 3.1 Pengenalan Model 3.2 Kumpulan Sasaran 3.3 Kaedah Mengumpul Data 3.3.1 Pemerhatian 3.3.2 Soal Selidik 3.3.3 Temu Bual 3.4 Analisis Data Kualitatif 3.5 Signifikan Kajian 3.6 Jadual Pelaksanaan Kajian	 13 13-14 14 14-15 16 16 16-17 17-18 18
4.	4.0 PENUTUP	18-19
5.	5.0 APENDIKS/ LAMPIRAN 5.1 Borang Soal Selidik 5.2 Rancangan Pengajaran Harian 5.3 Alat Bantu Mengajar 5.4 Alat Untuk Menjalankan Intervensi VSM	 20-21 22-25 26 27
6.	6.0 RUJUKAN	28

1.0 PENGENALAN

1.1 PENGENALAN KAJIAN

Dalam laporan proposal bab satu ini, terdapat 3 bahagian penting yang akan dijelaskan oleh pengkaji mengenai kajian ini iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian dan persoalan kajian, serta tujuan dan objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada murid bermasalah pembelajaran autisme yang mempunyai masalah sosial dan komunikasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, masih ramai kanak-kanak autisme yang sukar atau tidak menunjukkan perkembangan sosial dan komunikasi secara menyeluruh walaupun telah memasuki usia yang sepatutnya sudah perlu menunjukkan ciri-ciri sosial yang baik. Dengan sebab itu, pengkaji akan cuba mencari dan menjalankan kajian untuk melihat intervensi yang dipilih dapat membantu perkembangan sosial kanak-kanak autisme ini. Dalam bab satu ini, pengkaji akan memperincikan mengenai latar belakang kajian terlebih dahulu iaitu menjelaskan sebab utama kajian ini dipilih. Kemudian, pengkaji akan melihat kepada isu utama atau permasalahan yang terjadi dalam ruang lingkup kajian ini. Seterusnya, pengkaji merangka objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini supaya perbincangan kajian tidak lari atau terkeluar dari landasan perbincangan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Autisme adalah satu perkara yang merujuk kepada kecacatan perkembangan yang melibatkan fungsi otak. Autisme ini adalah gangguan berfikir, hubungan interpersonal, berkomunikasi dan tingkah laku (Smith 1998). Perkataan autisme ini berasal dari perkataan autos yang membawa maksud 'diri sendiri' manakala 'ime' yang bermaksud aliran. Autisme ini juga adalah gangguan tumbesaran yang memberi impak kepada pemikiran kanak-kanak dalam proses informasi. Selain perkataan autisme, terdapat juga istilah lain yang berkaitan autisme seperti *autistic disorder*, *childhood autism*, *kanner's syndrome* dan *infantile autism*. Masalah pembelajaran seperti autisme ini adalah satu gangguan perkembangan yang akan dihadapi seumur hidup dan autisme adalah satu gangguan yang tidak boleh disembuhkan dan diubati tetapi mampu dikawal dengan kaedah yang betul.

Pada hari ini, pakar-pakar dalam bidang ini masih tidak dapat mengetahui dan mengesan faktor sebenar yang menyebabkan berlakunya autisme ini secara tepat. Pakar dalam bidang ini juga tidak mempunyai rawatan yang khusus untuk penyakit dan masalah ini tetapi terdapat beberapa intervensi dan terapi yang mampu untuk merawat perkara yang berkaitan autisme ini. Kanak-kanak autisme ini amat memerlukan sokongan yang penuh

daripada ibu bapa mereka sendiri sehingga mencapai usia yang matang dan mampu berdikari sendiri. Kanak-kanak yang mempunyai masalah autisme ini boleh dikesan pada peringkat awal perkembangan iaitu pada usia 1 tahun sehingga 3 tahun dan tahap kondisi kanak-kanak autisme ini juga berbeza iaitu dari segi kognitif, intelektual, sosial, emosi dan juga tingkah laku yang sering berulang.

Kajian yang kami lakukan adalah untuk mengubah tingkah laku yang tidak diingini menggunakan satu intervensi yang berkesan. Menurut Lewis M. Beaker (2001), tingkah laku adalah sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara sedar atau separa sedar. Pada keseluruhannya, tingkah laku merujuk kepada semua tindakan manusia yang boleh diperhatikan, diukur dan dinilai (Bear, Wolf and Riskey, 1968). Dalam kajian yang terdahulu mereka menggunakan satu intervensi cerita sosial untuk mengubah tingkah laku yang diingini. Walau bagaimanapun mereka mendapati bahawa intervensi ini boleh diubah dan ditambah baik dengan menggunakan intervensi Video Self Modelled (Sundberg & Taplin, 2007).

1.3 PERNYATAAN MASALAH DAN PERSOALAN KAJIAN

Permasalahan yang diperoleh oleh pengkaji yang menjadi pengaruh dalam menghasilkan kajian tindakan ini adalah melibatkan kanak-kanak atau murid-murid autisme yang memiliki masalah dalam skop tingkah laku, yang membawa kepada masalah perkembangan bahasa dan juga interaksi sosial dengan guru pembimbing dan murid di dalam kelas. Dalam hal ini, kanak-kanak autisme sering menunjukkan tingkah laku yang tidak baik atau kata lainnya tingkah laku disruptif di dalam kelas sewaktu sesi pembelajaran berlangsung. Tingkah laku disruptif yang ditunjukkan oleh murid-murid autisme ini memberi impak dalam perkembangan aspek-aspek lain terutamanya dari aspek perkembangan bahasa dan komunikasi dan kelewatan dalam bahasa. Hal ini bukan bererti mereka tidak boleh bertutur, namun mereka mempunyai masalah dalam keinginan untuk bertutur. Meskipun orang-orang sekeliling cuba bertutur dan memulakan komunikasi dengan mereka, namun mereka langsung tidak menunjukkan minat untuk berkomunikasi apatah lagi untuk memberi respon seperti yang diharapkan. Mereka lebih gemar bermain seorang diri berbanding bergaul dengan orang lain.

Kanak-kanak autisme kurang cekap dalam menarik perhatian rakan sebayanya untuk berinteraksi dengannya. Ketiadaan *eye contact* ketika berkomunikasi menyebabkan mereka tidak berupaya mengikuti perbualan rakan sebayanya. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat memahami ekspresi orang lain dan sering memberikan tindak balas yang salah. Sekiranya mereka menginginkan sesuatu, mereka lebih gemar menarik tangan orang dewasa

daripada menunjuk barang yang diinginkan. Malah, sesetengah kanak-kanak autisme boleh menyebut sesuatu perkataan, frasa atau ayat namun tidak berupaya mengaplikasikannya. Sesetengah kanak-kanak autisme tidak dapat membangunkan kemahiran pertuturan mereka sendiri dan memerlukan satu sistem komunikasi yang berkait dengan pengalaman, persekitaran dan interaksi mereka dengan orang dewasa.

1.4 TUJUAN KAJIAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid autisme dan mengenal pasti kesan masalah yang dihadapi oleh murid autisme. Pengkaji telah mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid autisme untuk membolehkan pengkaji mencipta intervensi yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Intervensi dijalankan untuk mengatasi masalah dan kesan yang dihadapi oleh murid autisme iaitu untuk meningkatkan kemahiran sosial mereka.

Pelajar autisme sering mengalami masalah untuk bersosial dan berkomunikasi dengan orang lain. Autisme boleh diertikan sebagai kecacatan dalam perkembangan neurologi dan psikologi manusia yang berlaku dari janin dan seterusnya, menyebabkan kelemahan atau perbezaan dalam interaksi sosial, kemahiran komunikasi, corak minat, dan tingkah laku (Subyantoro, 2013).

Oleh yang demikian, kami memutuskan untuk menjalankan intervensi untuk menggalakkan kanak-kanak tersebut untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan kaedah Video Self-Modelling (VSM). VSM ialah satu kaedah pengajaran dengan menggunakan rakaman video murid atau model dan memaparkan semula video tersebut kepada murid untuk menyediakan model visual tingkah laku atau kemahiran yang ditunjukkan (Franzone & Collet Klingenberg, 2008). Tujuan penggunaan VSM adalah untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi, bersosial, akademik, bermain, serta dalam melakukan aktiviti harian.

Terdapat dua objektif bagi kajian ini. Objektif pertama ialah untuk meningkatkan kemahiran memperkenalkan diri dan membantu meningkatkan kemahiran sosial murid. Objektif kedua ialah menggalakkan murid untuk mengingat tentang maklumat pengenalan diri supaya kanak-kanak autisme tersebut dapat mengasah tahap ingatan dan berkomunikasi dengan orang lain secara mandiri serta saling bertukar maklumat diri antara satu sama lain.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Autisme ini berasal daripada perkataan Jerman iaitu “autismus” yang bermaksud kedudukan mental seseorang yang menyebabkan mereka ini suka untuk mengasingkan diri dari orang sekeliling. Oleh yang demikian, kanak-kanak autisme ini suka untuk mengasingkan diri mereka atau mengurangkan pergaulan mereka dengan orang lain kerana mereka ini suka berada di dalam dunia mereka sendiri. Hal ini disebabkan oleh perkembangan yang tidak seimbang dari segi neuropsikologi dan menyebabkan mereka ini mempunyai beberapa kemahiran yang terhad seperti kemahiran sosial, kemahiran komunikasi dan kemahiran tingkah laku. Menurut Chandramogan Ramaian & Dr. Mohd Zuri Ghani (2018), autisme merupakan salah satu golongan masalah pembelajaran yang akan mendapat pendidikan di sekolah inklusif kerana mereka mengalami satu gangguan perkembangan otak yang menyebabkan mereka akan mengalami masalah dalam hubungan kognitif, sosial dan efektif yang menyebabkan mereka sukar untuk berada di dalam kelas dan menjalani pembelajaran secara biasa seperti murid-murid normal.

Kanak-kanak autisme ini akan berada di dalam dunia mereka sendiri dan sering menunjukkan respons yang tidak sepatutnya di dalam sesuatu tindakan yang ditujukan ke atas mereka. Kebiasaannya, kanak-kanak yang berusia 3 tahun yang mengalami gangguan berbahasa, gangguan sistem deria, berinteraksi sosial, tingkah laku emosi dan corak bermain merupakan antara gejala yang sering berlaku atas kanak-kanak autisme ini. Menurut Hallahan dan Kauffman (1976), menyatakan autisme merupakan satu kecelaruan yang bercirikan pengasingan diri, tingkah laku mencederakan diri, masalah kognitif, masalah bahasa dan boleh dilihat sebelum berumur 30 bulan (Mohd Zuri Ghani, 2011).

Kebiasaannya, mereka yang mengalami masalah autisme ini mempunyai masalah dalam interaksi sosial seperti kurang kontak mata dan setiasa mengelak daripada melihat dan memandangi wajah orang lain, payah tersenyum, pergerakan badan yang keras dan kurang berinteraksi sosial seperti bertegur sapa dengan kawan sebaya, sukar bersalam-salaman dan sebagainya. Kanak-kanak autisme ini biasanya kurang menunjukkan minat terhadap perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Sebagai contohnya, penglibatan dalam apa-apa sambutan di sekolah. Mereka gagal untuk menunjukkan perasaan minat ataupun gembira semasa dalam situasi tersebut. Kanak-kanak normal biasanya akan gembira apabila mendapat hadiah daripada orang lain dan akan menangis apabila dimarahi tetapi kanak-kanak autisme tidak menunjukkan apa-apa reaksi.

Antara ciri lain yang terdapat pada kanak-kanak autisme ini adalah dari segi perkembangan bahasa. Perkembangan bahasa kanak-kanak ini agak sedikit lambat dalam pertuturan berbanding kanak-kanak normal. Kebanyakkan mereka tidak bertutur dengan baik dan sering kali menggunakan perkataan yang susah difahami. Tingkah laku atau perbuatan meniru perbualan dan percakapan orang lain (*echolalia*) tanpa memahami maksudnya adalah satu perkara yang sering terdapat pada kanak-kanak autisme ini. Soalan yang ditanya kepada mereka juga sering kali dijawab dengan perkara yang tidak berkaitan dengan soalan yang ditanya.

Rumusannya, kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam interaksi sosial, tingkah laku yang negatif serta lambat pertuturan dan komunikasi akan mengalami ketidakupayaan untuk menguruskan kehidupan seharian mereka. Oleh yang demikian, kepayahan dan kesukaran yang dihadapi oleh kanak-kanak ini dalam mengawal tingkah laku dan kemahiran komunikasi yang rendah telah membawa kepada perlunya kajian bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran untuk berinteraksi dengan orang sekeliling. Dalam bab dua ini akan menerangkan secara khusus berkenaan dengan sorotan kajian lepas, intervensi serta teori yang menyokong intervensi yang digunakan dalam kajian ini.

2.1.1 SOROTAN KAJIAN 1

Kajian ini disediakan oleh Widyasari Wilujeng. Artikel ini bertajuk *Pemanfaatan Video Self-Modeling Untuk Meningkatkan Bina Diri Anak Autis*. Artikel ini dikeluarkan pada tahun 2020. Tujuan penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji penggunaan video modeling dalam meningkatkan perkembangan diri kanak-kanak autisme. Pengkaji memberi tumpuan kepada penggunaan video self-modeling untuk membantu meningkatkan perkembangan diri kanak-kanak autisme dengan menganalisis 7 artikel secara terperinci menggunakan kaedah diskriptif. 7 artikel tersebut termasuk 3 artikel dari dalam negara dan 4 artikel antarabangsa. Meningkatkan perkembangan diri ialah usaha untuk melahirkan individu yang bersosial dengan baik melalui pendidikan berkeluarga, di sekolah dan masyarakat supaya kanak-kanak ini dapat berdikari dan menjalani kehidupan harian secara mandiri (Astiti 2003: 7 dalam Safitri & Pamuji, 2018). Seperti yang kita sedia maklum, kanak-kanak autisme mengalami kesulitan dalam menjalani rutin kehidupan harian seperti orang biasa, sebagai contoh berpakaian, makan, berehat, menjaga kesihatan, berkebolehan membuang air kecil dan air besar di dalam tandas. (Mumpuarti, 2000:102 dalam Sari, 2015).

Pengkaji sangat bersetuju bahawa kaedah video self-modeling ini sesuai digunakan kepada kanak-kanak autisme kerana kaedah pembelajaran ini menggunakan visual yang menarik dan bersifat realistik. Kaedah ini memberikan rangsangan, gerak balas dan tingkah laku yang boleh ditiru mengikut tayangan video yang dipaparkan. Kaedah ini juga menyebabkan murid-murid autisme terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran apabila mereka mengulang semula tindakan yang telah dilakukan seperti yang ditayangkan di dalam video. Menurut Lakshita, (2012: 71) kebanyakan kanak-kanak autisme mempunyai gaya pembelajaran pelajar hafalan, pelajar visual dan *hands-on leader*. Oleh hal yang demikian, ramai guru menggunakan pengalaman dan visualisasi untuk menerangkan perkara yang sukar difahami oleh kanak-kanak autisme seperti menggunakan media pemodelan video, (Safitri & Pamuji, 2018). Berdasarkan hasil analisis kajian terhadap ketujuh-tujuh artikel yang dipilih, Pengkaji mendapati kaedah video self-modelling ini mampu membantu kanak-kanak autisme dalam meningkatkan kemahiran diri mereka. Hasil analisis kajian mendapati, kesemua artikel yang menjalankan kaedah VSM ini mengalami perkembangan dan kesan yang positif terhadap kanak-kanak autisme. Kebanyakan mereka mengatakan bahawa kaedah ini mampu meningkatkan daya ingatan kanak-kanak autisme untuk mengingat setiap langkah yang perlu dilakukan dalam menyelesaikan sesuatu tugas. VSM juga mampu meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak autisme semasa rakaman video supaya mereka berasa mampu untuk menyiapkan sesuatu tugas. Menurut pengkaji, VSM ini boleh diatur dalam pelbagai konsep dan kaedah untuk menjadikan proses belajar lebih menarik. Antaranya, guru boleh meminta bantuan lingkungan terdekat kanak-kanak autisme tersebut seperti ibu bapa, rakan-rakan, dan ahli keluarga yang lain untuk menjalankan tugas sebagai model di dalam video tersebut.

Secara keseluruhan, jurnal ini mendapati bahawa VSM sangat membantu kanak-kanak autisme dalam meningkatkan tahap perkembangan diri mereka, terutamanya dari aspek pengurusan diri untuk berdikari. Penggunaan kaedah VSM terbukti telah memotivasikan dan memudahkan mereka untuk melakukan aktiviti yang dikehendaki. Jika kaedah ini dilakukan secara kerap, maka kanak-kanak autisme tidak lagi memerlukan pemodelan video dalam menyempurnakan tingkah laku tersebut.

2.1.2 SOROTAN KAJIAN 2

Kajian ini bertajuk *Video Self-Modelling Interventions For Students With Autism Spectrum Disorder* yang ditulis oleh Kathleen M. Schaeffer et al pada tahun 2016. Menurut kajian ini, kaedah video self-modelling (VSM) sememangnya berkesan dalam pelbagai aspek seperti sosial, tingkah laku, dan kemahiran berfungsi. VSM juga dilihat sebagai satu intervensi yang dapat meningkatkan kemahiran sosial secara spesifik seperti dalam berinteraksi, membuat permintaan, mengambil giliran, dan bertanyakan soalan. Peningkatan kemahiran-kemahiran ini juga berkait rapat dengan teori Bandura iaitu kanak-kanak mempelajari sesuatu tindakan berdasarkan pemerhatian mereka. Dengan menggunakan intervensi VSM ini, guru atau ibu bapa boleh memanfaatkan rakaman yang sama untuk mengubah tingkah laku negatif murid.

Dalam kajian ini, penulis-penulisnya telah menyenaraikan 6 langkah dalam merancang dan menghasilkan projek VSM ini. Langkah pertama ialah mengenal pasti target kemahiran atau tingkah laku melalui pemerhatian. Langkah kedua ialah membuat perancangan untuk merekod video menggunakan bahan seperti papan cerita, skrip, memberi arahan langsung, atau *peer modelling*. Langkah ketiga ialah menentukan sokongan yang diperlukan dalam penghasilan VSM. Langkah keempat ialah merekod video pelajar berdasarkan target yang ingin dicapai. Langkah kelima ialah menyunting video seperti memotong bahagian arahan yang diberikan kepada pelajar. Akhir sekali ialah menunjukkan VSM yang dihasilkan kepada pelajar setiap hari atau 2 ke 3 kali seminggu. Setelah itu, pemerhatian akan dilakukan menggunakan instrumen tertentu bagi melihat tahap keberkesanan VSM kepada pelajar yang terbabit.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menyimpulkan bahawa kaedah VSM ini mampu meningkatkan tingkah laku yang diinginkan. Selain itu, kaedah VSM ini mudah dijalankan dan diimplementasikan kerana ia boleh dikaitkan dengan kehidupan sebenar pelajar di sekolah mahupun di rumah. Walau bagaimanapun, guru perlulah mencari dan mencuba kaedah-kaedah lain yang mampu memberi sokongan kepada pelajar istimewa ini dalam membina keyakinan diri untuk bersosial di luar sana.

2.2 KERANGKA TEORI

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan berkenaan penggunaan teori yang digunapakai dalam menjalankan kajian ini. Teori merupakan aspek yang penting dalam sesuatu kajian kerana ia menjadi rujukan dan landasan kepada pengkaji sepanjang menjalankan kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji memilih teori pembelajaran sosial yang diasaskan oleh Albert Bandura kerana ia berkait rapat dengan intervensi yang akan digunakan iaitu Video Self-Modelling (VSM).

2.2.1 TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL

Dalam kajian yang pengkaji jalankan, teori yang sangat berkait adalah teori pembelajaran sosial yang diasaskan oleh Albert Bandura dan Richard Walters sekitar tahun 1959-1963. Dalam teori ini, mereka melaksanakan eksperimen berkenaan kaedah peniruan dan daripada hasil kajian yang mereka jalankan, mereka mendapati peniruan boleh berlaku hanya melalui pengamatan atas perilaku model iaitu orang yang ditiru meskipun tanpa sebarang penegasan dan proses pembelajaran ini digelar sebagai '*Observational Learning*' atau pembelajaran melalui pengamatan.

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku kita dipengaruhi oleh persekitaran melalui penegasan (*reinforcement*) dan *observational learning*, cara memandang dan cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita dipengaruhi persekitaran dan menghasilkan penegasan (*reinforcement*) dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain (*observational opportunity*).

Kaedah atau teknik yang digunapakai dalam teori pembelajaran sosial ini adalah teknik *Modelling*. *Modelling* atau peniruan ini adalah satu proses di mana pemerhati akan meniru model dan menghasilkan tingkah laku yang hampir sama dengan tingkah laku model yang dipertunjukkan. Manakala, model ialah individu yang diperhatikan dan dirujuk oleh pemerhati serta mempunyai pengaruh yang kuat untuk merubah tingkah laku si pemerhati dengan cara diperhatikan oleh mereka. Kaedah modelling berkenaan terdapat beberapa jenis peniruan iaitu secara langsung, secara tidak langsung, gabungan, sekat laluan dan tak sekat laluan.

Seterusnya, terdapat juga jenis peniruan dalam teori pembelajaran sosial ini, iaitu jenis peniruan secara langsung di mana jenis ini akan meniru tingkah laku model secara terus. Sebagai contoh, murid meniru gaya seseorang guru mereka yang baik

dan lemah lembut semasa mengajar di dalam kelas. Selain itu, peniruan secara tidak langsung di mana pemerhati hanya meniru secara berimajinasi atau sekadar pemerhatian, sebagai contoh, kanak-kanak meniru cara perwatakan kartun berlari semasa kelas sukan di sekolah. Selain daripada itu ialah peniruan jenis gabungan, jenis ini berlaku di mana pemerhati meniru perilaku berlainan berdasarkan kesesuaian seperti murid meniru cara guru dan kartun membaling bola.

Seterusnya pula adalah peniruan sekat laluan, peniruan jenis ini berlaku di mana pemerhati akan meniru perilaku model dengan hanya mengikut situasi tertentu sahaja. Sebagai contoh, murid-murid mengenakan pakaian yang berfesyen untuk majlis disekolah namun masih mengikut tatacara pemakaian sekolah. Akhir sekali adalah jenis peniruan tak sekat laluan iaitu pemerhati akan meniru perilaku model di dalam semua situasi, sebagai contoh, pelajar boleh meniru perilaku dalam mengitar semula bahan-bahan boleh dikitar semula yang telah diwar-warkan dengan cara yang betul dan tepat.

Menurut Bandura, dalam teori pembelajaran sosial ini mempunyai empat proses pembelajaran. Proses pertama ialah pemerhatian (*Attention*), proses kedua adalah mengingati (*Retention*), proses ketiga ialah reproduksi (*Reproduction*) dan proses keempat ialah peneguhan dan motivasi (*Reinforcement and motivation*). Proses-proses ini sesuai digunakan dalam proses pembelajaran bagi kanak-kanak autisme.

Akhir sekali, teori pembelajaran sosial ini sangat berkaitan dan juga memiliki perincian yang ada pada intervensi yang kami pilih dalam kajian ini. Oleh sebab demikian, teori ini adalah teori yang tepat untuk digunapakai dalam kajian tindakan ini.

2.3 INTERVENSI

Video modelling merupakan satu kaedah pengajaran bagi membantu murid autisme dalam pembelajaran dengan melihat dan meniru model dalam video yang mendemonstrasikan kemahiran atau tingkah laku sasaran. Penggunaan VSM mampu membantu murid autisme belajar dan melatih diri untuk bersosial, berkomunikasi, bermain dan pengurusan sendiri. Kaedah ini berasaskan teori kognitif sosial Albert Bandura (1977), iaitu manusia akan mempelajari sesuatu perkara melalui pemerhatian dan peniruan. Video modelling terdiri daripada empat jenis iaitu *Basic Video-Modelling*, *Video Self-Modelling*, *Point of View Video-Modelling* dan *Video-Prompting*.

Intervensi yang telah dipilih dalam kajian ini adalah *Video Self-Modelling*. Penggunaan VSM adalah satu inisiatif untuk guru menggunakan rakaman video murid autisme itu sendiri dijadikan sebagai model mendemonstrasikan kemahiran atau tingkah laku sasaran. Mereka mampu belajar sesuatu komponen pembelajaran dan mengulanginya pada bila-bila masa sahaja. Sebelum menjalankan intervensi, pengkaji telah mengenal pasti tingkah laku murid autisme untuk dinilai dengan menggunakan kaedah VSM. Tingkah laku yang telah dikenal pasti ialah murid autisme tidak mampu untuk memperkenalkan diri. Oleh itu, intervensi ini dilakukan bagi menguji keberkesanan pelaksanaan VSM untuk meningkatkan interaksi sosial dalam kalangan murid autism. Sepanjang pelaksanaan kaedah VSM ini, guru akan membimbing murid autism memperkenalkan diri dan tingkah laku tersebut akan direkodkan dalam bentuk video. Video yang telah direkod akan disunting sehingga video yang terhasil hanya terdiri daripada murid autisme dalam kajian itu sendiri sebagai model demonstrasi pembelajaran.

2.3.1 PANDUAN GURU DALAM MELAKSANAKAN INTERVENSI

Tempoh	Aktiviti	Cara Pelaksanaan	Instrumen
Minggu 1	Modul 1 Memperkenalkan diri sendiri <ul style="list-style-type: none"> ● Nama ● Umur ● Sekolah ● Hobi 	1. Guru membimbing murid autisme memperkenalkan diri dengan menunjukkan video demonstrasi. 2. Guru meminta murid autisme mengikut video demonstrasi yang ditunjukkan.	
Minggu 2		1. Guru meminta murid autisme memperkenalkan diri dan direkod sebagai Video Self-Modelling.	
Minggu 3		1. Proses pengulangan Video Self-Modelling oleh murid autism. 2. Penilaian dibuat untuk menilai tahap perkembangan murid autisme apabila menggunakan kaedah Video-Self Modelling.	- Pemerhatian - Soal Selidik
Minggu 4		1. Proses penilaian akhir setelah kaedah Video Self-Modelling selesai.	- Temu Bual

Minggu 5	<u>Modul 2</u> Memperkenalkan ahli keluarga <ul style="list-style-type: none"> ● Nama ibu ● Nama bapa ● Nama adik-beradik 	1. Guru membimbing murid autisme memperkenalkan ahli keluarga dengan menunjukkan video demonstrasi. 2. Guru meminta murid autisme mengikut video demonstrasi yang ditunjukkan.	
Minggu 6		1. Guru meminta murid autisme memperkenalkan ahli keluarga dan direkod sebagai Video Self-Modelling.	
Minggu 7		1. Proses pengulangan Video Self-Modelling oleh murid autisme. 2. Penilaian dibuat untuk menilai tahap perkembangan murid autisme apabila menggunakan kaedah Video Self-Modelling.	- Pemerhatian - Soal Selidik
Minggu 8		1. Proses penilaian akhir setelah kaedah Video Self-Modelling selesai.	- Temu Bual

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian ialah kaedah yang diguna pakai untuk melaksanakan kajian terhadap subjek kajian yang telah ditentukan. Dalam bab tiga, kajian ini akan membincangkan mengenai subjek atau kumpulan sasaran, kaedah untuk mengumpul data dan instrumen, kaedah analisis data, signifikan kajian, dan jadual pelaksanaan kajian. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kaedah empat fasa yang diterapkan dalam **Model Kajian Tindakan Lewin**. Model Lewin ini mempunyai empat fasa kitaran iaitu merancang, bertindak, memerhati, dan refleksi.

Pada fasa merancang, pengkaji memberi perhatian kepada beberapa aspek seperti memastikan matlamat atau objektif kajian ini dapat dicapai menggunakan intervensi yang dicadangkan. Selain itu, pengkaji juga merancang tempoh pelaksanaan intervensi supaya boleh membuat penilaian secara berkesan.

Seterusnya, fasa tindakan pula merupakan fasa yang memerlukan pengkaji bergerak melakukan tugas masing-masing dalam kajian ini. Dalam fasa ini, subjek kajian mula diberikan intervensi yang sepatutnya. Pengkaji mula melakukan persiapan awal untuk intervensi video self-modelling dan dijalankan bersama subjek kajian dalam tempoh tertentu.

Fasa ketiga ialah pemerhatian. Fasa ini dijalankan semasa proses intervensi dilakukan. Pengkaji perlu mencatat tindakan dan perkembangan subjek kajian menggunakan instrumen-instrumen yang sesuai.

Akhir sekali ialah fasa refleksi. Fasa refleksi juga penting untuk menilai keadaan sebelum, semasa, dan selepas intervensi dijalankan. Proses ini memerlukan penganalisan data melalui instrumen yang digunapakai. Melalui fasa ini, pengkaji dapat melihat sama ada intervensi VSM yang dijalankan kepada murid autisme ini berjaya ataupun tidak.

3.2 KUMPULAN SASARAN

Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 7 orang murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah di Kelantan sebagai kumpulan sasaran untuk melengkapkan kajian. Murid yang dipilih untuk dijadikan sampel ialah mereka yang mempunyai masalah interaksi sosial seperti tidak mengendahkan arahan yang diberikan oleh guru untuk memperkenalkan diri di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Pemilihan 7 orang pelajar ini adalah berdasarkan rekod dan maklumat yang diperolehi daripada pihak ibu bapa dan guru. Pengkaji akan memerhati dan melihat maklumat-maklumat berkenaan

murid yang dipilih supaya sampel yang digunakan bersesuaian dengan tujuan kajian ini dijalankan. Murid ini terdiri daripada 3 orang yang mengalami autisme tahap ringan, 3 orang autisme tahap sederhana, dan seorang murid autisme tahap teruk. Antara kelemahan mereka yang paling ketara adalah kurangnya kemahiran sosial yang menyebabkan mereka sukar untuk berkomunikasi dan bersosial hingga boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.

3.3 KAEDAH MENGUMPUL DATA

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan *Video Self-Modelling* ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan satu kaedah yang melibatkan pengkaji perlu berada dalam situasi yang ingin dikaji bagi membuat pemerhatian, mendengar dan menemu bual untuk pengumpulan data kajian. Kaedah kualitatif adalah bersifat deskriptif dan bersesuaian untuk mendapatkan dan menganalisis data kajian secara terperinci kerana ia melibatkan sebilangan kecil subjek kajian sahaja. Kaedah kualitatif yang digunakan oleh pengkaji ialah pemerhatian, soal selidik dan temu bual.

3.3.1 PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan bagi menilai pemboleh ubah kajian. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat mengamati subjek kajian berdasarkan pemboleh ubah yang telah dikenal pasti sebelum pelaksanaan kajian. Kaedah pemerhatian sangat sesuai digunakan untuk menilai perkembangan tingkah laku sesuatu unit sosial. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk memerhati tahap perkembangan dan keberkesanan murid autisme meningkatkan interaksi sosial dengan menggunakan *Video Self-Modelling* sebagai model pembelajaran untuk memperkenalkan diri. Sepanjang pemerhatian dibuat ke atas sampel kajian, pengkaji menggunakan catatan anekdot dan senarai semak bagi mengumpul data untuk dianalisis.

3.3.1.1 Rekod Anekdote

Nama Murid	
Umur	
Tarikh	
Masa	
Nama Guru	
Catatan:	
Perkara/Ulasan:	

3.3.1.2 Senarai Semak

Nama Penyemak:	Tarikh:
Ciri-ciri:	Tanda (/) jika ada
Modul 1: Memperkenalkan diri sendiri	
• Mampu menyatakan nama penuh	
• Mampu menyatakan umur	
• Mampu menyatakan nama sekolah	
• Mampu menyatakan hobi	
Modul 2: Memperkenalkan ahli keluarga	
• Mampu menyatakan nama ibu	
• Mampu menyatakan nama bapa	
• Mampu menyatakan nama adik beradik	

3.3.2 SOAL SELIDIK

Soal selidik merupakan satu set soalan berbentuk tulisan yang digunakan bagi mengumpul data kajian untuk tujuan analisis dalam jumlah yang ramai dan dalam masa yang singkat. Dapatan kajian yang terkumpul melalui soal selidik ini akan dianalisis dalam bentuk skala bagi menilai keberkesanan sesuatu kajian. Soalan yang dibina juga mestilah bersesuaian dengan objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal kajian. Dengan menggunakan soal selidik ini, pengkaji menyediakan dua pilihan jawapan untuk setiap soalan soal selidik iaitu “YA” dan “TIDAK”. Kaedah ini digunakan untuk menilai tahap keberkesanan penggunaan *Video Self-Modelling* sebagai model pembelajaran kepada murid autisme yang mampu memperkenalkan diri apabila diarahkan oleh guru. Kaedah ini bertujuan untuk meningkatkan tahap interaksi sosial dalam kalangan murid autisme terutamanya di dalam kelas. Soal selidik ini memerlukan ibu bapa dan para guru murid autisme tersebut sebagai responden kajian.

3.3.3 TEMU BUAL

Kaedah ini merupakan satu kaedah yang memerlukan pengkaji menemu bual sampel kajian yang terlibat bagi mengumpul maklumat terperinci secara lisan. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai murid autisme sepanjang pelaksanaan intervensi iaitu kaedah *Video Self-Modelling* yang dijalankan di sekolah dan di rumah. Kaedah ini merupakan satu sesi soal jawab bersama ibu bapa dan guru mengenai tahap perkembangan murid autisme menggunakan *VSM* sebagai model pembelajaran untuk memperkenalkan diri. Kaedah temu bual dijalankan secara formal di sekolah dengan melibatkan guru dan ibu bapa. Soalan-soalan yang akan ditanyakan semasa temu bual pula akan disediakan terlebih dahulu.

3.4 ANALISIS DATA KUALITATIF

Analisis data menurut Patton (1982:268) adalah proses mengatur urutan data, menyusunnnya menjadi satu pola, kategori dan unit asas. Pengkaji akan mengumpul terlebih dahulu data-data yang diperoleh mengikut konteks dan kemudian menganalisis semua data tersebut. Menurut Gilbert et al. (2012), kaedah analisis kualitatif telah membolehkan seseorang penyelidik berpeluang untuk mendapatkan data atau maklumat yang lebih lengkap, komprehensif, terperinci dan mendalam serta menepati konteks persekitaran

kajian. Gilbert et al. (2012), Tsamenyi, Cullen dan Gonzalez, (2006) menyatakan bahawa kaedah kajian kualitatif bersifat jangka panjang membolehkan penyelidik melihat proses perubahan dari segi kandungan dan juga konteks pada masa yang sama. Bogdan dan Taylor (Moleong, 2002:3) mendefinisikan metodologi penyelidikan kualitatif sebagai prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk perkataan bertulis atau lisan orang dan tingkah laku yang boleh diperhatikan.

Pengkaji menggunakan rekod anekdot sebagai instrumen mengumpul data hasil daripada pemerhatian sebagai catatan pemerhatian dan juga sebagai senarai semak. Rekod anekdot ini bertujuan untuk mencatat kemahiran sosial murid autisme ketika berkomunikasi dengan orang sekeliling seperti guru, rakan-rakan, dan pembantu murid. Manakala pengkaji menggunakan senarai semak untuk aktiviti mencatat maklumat secara bersistem berkaitan perkembangan, kebolehan, kemajuan, dan pencapaian subjek kajian.

Seterusnya, pengkaji juga turut menggunakan soal selidik untuk mengenalpasti dan mengkaji tahap penguasaan kemahiran sosial murid serta mengumpul maklumat demografi murid daripada ibu bapa. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan temu bual untuk mengumpul data. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti individu yang sesuai ditemu bual. Mereka merupakan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini. Data atau maklumat yang diperoleh melalui temu bual telah membolehkan penyelidik mendapat gambaran mengenai realiti isu yang sedang dikaji dari kaca mata dan pengalaman peserta yang terlibat dalam kajian tersebut (Dilshad & Latif, 2013; Rabionet, 2011). Melalui temu bual juga, penyelidik berpeluang mendapatkan maklumat yang lebih dalam mengenai persepsi, pandangan, sikap, tingkah laku, pengalaman dan kepercayaan ahli-ahli organisasi yang dikaji (Evaluation Briefs, 2009:1).

3.5 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini mampu memberi impak yang positif kepada guru-guru dan ibu bapa untuk membantu murid autisme meningkatkan tahap interaksi sosial mereka dengan orang sekeliling. Teknik Video Self-Modelling amat bersesuaian untuk murid autisme mempelajari sesuatu kemahiran atau tingkah laku yang diinginkan termasuklah cara untuk memperkenalkan diri. Penggunaan Video Self-Modelling adalah mudah dan menjimatkan kos. Selain itu, video yang telah dirakam juga boleh ditonton secara berulang kali sama ada di sekolah mahupun di rumah. Murid autisme akan sentiasa dapat belajar dan berlatih menggunakan video yang dirinya sendiri menjadi model pembelajaran. Secara tidak langsung, kaedah ini mampu mengelak murid autisme tidak memberi respon atau rasa kekok

ketika sesi pengajaran dan pembelajaran kerana VSM lebih kepada kaedah pembelajaran sendiri.

Selain itu, VSM juga merupakan satu kaedah yang mudah dan kreatif untuk para guru dan ibu bapa dalam membantu murid autisme ketika proses pembelajaran. Secara tidak langsung, VSM ini dapat dihasilkan dalam pelbagai topik pembelajaran yang lain seperti kemahiran pengurusan diri dan sebagainya. Oleh itu, guru dan ibu bapa berperanan penting bagi memastikan kaedah VSM ini dapat dilaksanakan secara berkala dan berkesan.

3.6 JADUAL PELAKSANAAN KAJIAN

Bil	Aktiviti	2022			
		April	Mei	Jun	Julai
1.	Mengenalpasti masalah dan mengumpul data awal.				
2.	Merancang tindakan.				
3.	Merangka kertas cadangan.				
4.	Memilih kumpulan sasaran.				
5.	Melaksanakan intervensi.				
6.	Mengumpul data.				
7.	Menganalisis data.				
8.	Refleksi kajian.				
9.	Laporan kajian.				
10.	Pembentangan kajian.				

4.0 PENUTUP

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian ini, pengkaji dapat merumuskan ketiga-tiga bahagian atau bab dalam melakukan kajian tindakan ini memiliki signifikansi yang perlu diberi keutamaan. Hal ini kerana, setiap bab mengandungi kepentingan tersendiri yang wajib dan penting dalam melakukan suatu kajian.

Pada bab satu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini dijalankan untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dan mempunyai perkara yang penting seperti dari aspek teori dan praktikal, serta membantu meningkatkan kemahiran interaksi sosial kanak-kanak autisme. Pengkaji dan

subjek kajian mendapat pulangan yang terbaik daripada kajian yang dijalankan ini, dan juga diharap dapat mempengaruhi amalan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah pengkaji pada waktu berikutnya. Melalui kajian ini, tahap interaksi sosial kanak-kanak autisme dapat ditingkatkan dengan mengadakan beberapa intervensi di samping sokongan daripada teori amalan guru dalam bilik darjah. Berdasarkan kajian ini, sangat diharapkan juga agar dapat membantu meningkatkan keyakinan kanak-kanak autisme dalam bertutur dengan orang di sekeliling. Penguasaan kemahiran sosial adalah sangat penting agar mereka dapat berkomunikasi dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan masyarakat. Maka, hasil daripada kajian ini dapat memberikan pelbagai maklumat dan implikasi yang positif kepada golongan yang berkait secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan kanak-kanak autisme ini seperti ibu bapa, guru, pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Khas dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia.

Seterusnya, intervensi VSM yang diselitkan mampu membantu murid-murid autisme dalam mengurangkan tingkah laku disruptif serta mampu mengembangkan pelbagai aspek lain seperti aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Tingkah laku disruptif akan menyebabkan murid-murid autisme sukar untuk melakukan interaksi sosial dengan orang di sekeliling mereka. Intervensi VSM yang dibantu dengan aktiviti-aktiviti yang menarik dapat membantu murid-murid autisme untuk menunjukkan tingkah laku yang sesuai mengikut kepada situasi sosial.

Kemudian ialah bab tiga yang menentukan reka bentuk kajian, tempat kajian, kumpulan sasaran dan instrumen yang digunakan dalam mengumpul segala data yang diperlukan. Pengkaji perlu memastikan bahawa alat pengumpulan data yang digunakan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan perkara yang ingin dikaji. Sebuah kajian yang baik adalah hasil daripada pemilihan kaedah-kaedah yang betul. Metodologi kajian adalah penting bagi setiap kajian yang dilakukan kerana ianya bertujuan untuk memudahkan penyelidik untuk mendapatkan data serta maklumat yang lebih terperinci daripada responden-responden yang terpilih. Bab ini juga diumpamakan sebagai petunjuk kepada pengkaji dalam menghasilkan kajian yang baik.

Akhir sekali, diharapkan kajian ini memberi impak yang positif dan mendapat hasil yang memberangsangkan agar dapat memperbaiki amalan pengajaran dan juga berfungsi dalam mengubah tingkah laku yang tidak diinginkan dalam kalangan murid autism, justeru dapat meningkat kemahiran mereka dalam pelbagai aspek kelak.

5.0 APENDIKS/ LAMPIRAN

5.1 BORANG SOAL SELIDIK

ARAHAN: TANDAKAN (/) DALAM PETAK YANG SESUAI

1. SELALU 2. TIADA 3. KADANG-KADANG

ITEM	1	2	3
SEBELUM INTERVENSI			
1. Adakah murid suka menjerit dan sukar untuk bertenang ketika berada di dalam kelas?			
2. Adakah murid selalu menjerit ketika barang/ mainannya diambil oleh orang lain?			
3. Adakah murid selalu merayau/ keluar dari kelas tanpa meminta izin guru?			
4. Adakah murid tidak mempunyai masalah untuk berkongsi mainannya dengan rakan-rakan yang lain?			
5. Adakah murid boleh duduk diam dan tidak merayau ketika sesi pengajaran berlangsung?			
SEMASA INTERVENSI			
1. Adakah murid melakukan tingkah laku menjerit ketika intervensi?			
2. Adakah murid boleh bertenang sepanjang intervensi dijalankan?			
3. Adakah murid merayau/ keluar dari kelas semasa intervensi berlangsung?			
4. Adakah murid boleh meminjamkan/ berkongsi barang mainannya ketika intervensi dijalankan?			
5. Adakah murid memberikan sepenuh perhatiannya sepanjang intervensi dijalankan?			

SELEPAS INTERVENSI			
1. Adakah murid masih melakukan tingkah laku menjerit selepas intervensi dijalankan?			
2. Adakah murid sudah tidak menjerit apabila rakan-rakannya mengambil barang mainannya?			
3. Adakah murid sudah tidak merayau/keluar lagi dari kelas tanpa izin daripada guru?			
4. Murid sudah boleh berkongsi barang/mainannya dengan rakan-rakannya yang lain.			
5. Murid sudah boleh memberikan sepenuh perhatiannya dan tidak merayau semasa sesi pengajaran berlangsung.			

5.2 RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

BAHASA MELAYU - KSSM PENDIDIKAN KHAS BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

TINGKATAN 1

Mata Pelajaran	Bahasa Melayu Tingkatan 1
Kelas	Tingkatan 1 Pintar
Bilangan Murid	7 Orang
Tarikh	Isnin (12/7/2022)
Waktu	11 pagi - 12 tengah hari
Standard Kandungan	1.1 Mendengar, menyebut dan mengenal pasti perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ujaran harian.
Standard Pembelajaran	1.1.1 Menerangkan semula arahan yang diberikan oleh guru atau rakan. 1.1.2 Memberi tindak balas pada arahan yang diterima daripada guru atau rakan.
Objektif	Pada akhir pembelajaran murid berupaya: <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dapat mengenal pasti maklumat terhadap arahan yang diberikan oleh guru dan rakan. 2. Menerangkan semula arahan yang diberikan oleh guru dan rakan. 3. Memberi tindak balas lisan pada arahan yang diterima daripada guru dan rakan.
Alat Bantu Mengajar	Komputer riba, LCD, Kad imbasan, Pensil wrana, Kertas.
Tajuk	Tema kekeluargaan
Pengetahuan Sedia Ada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid mengetahui nama sendiri 2. Murid memahami struktur organisasi keluarga
Rujukan Guru	KSSM Pendidikan Khas Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 1

Langkah-langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Pentaksiran Formatif	Catatan
<p>Set Induksi (15 minit)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Guru membuat Tagline 3L seperti “Listen, Listen, Listen” “Look, Look, Look” “Lock, Lock, Lock” “Shhhhhhhh” 2) Guru menunjukkan video berkaitan dengan tajuk pengajaran. <ul style="list-style-type: none"> - Video Didi & Friend “Keluarga Tiya”. 3) Guru mengaitkan set induksi dengan tajuk pembelajaran. 4) Guru menyuruh murid untuk menyanyi bersama. 5) Guru berkomunikasi dengan pelajar tentang pengetahuan sedia ada pelajar. 6) Guru menerangkan tajuk pengajaran ialah “Keluarga Saya”. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Murid akan menonton video yang ditayangkan oleh guru. 2) Murid terlibat dalam aktiviti menyanyi sambil melihat video tayangan. 3) Murid mendengar isi pelajaran hari ini daripada guru. 4) Guru dan murid bersoal jawab berkenaan video yang ditayangkan sebentar tadi. 	<p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Video <p>Kaedah & Teknik:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Soal jawab <p>Strategi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berpusatkan pelajar dan guru
<p>Menyampaikan Isi Pelajaran (20 minit)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Guru menjalankan aktiviti “Pokok Keluarga”. 2) Guru memperkenalkan bahan membantu mengajar yang akan 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Murid mendengar arahan aktiviti daripada guru. 2) Murid menumpukan 	<p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kertas - Pensil - pensil warna - Beberapa keping gambar

	<p>digunakan.</p> <p>Bahan-bahan yang akan digunakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Satu kertas mahjong. Beberapa keping gambar ahli keluarga (gambar nenek, atuk, ayah, emak, adik, kakak, abang). Pensil dan pensil warna. <p>Cara pelaksanaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Guru menunjukkan dahulu video berkenaan ahli keluarga supaya murid lebih faham. Guru membahagikan kertas kepada murid. Guru meminta murid melukis gambar pokok serta mewarnakannya. Guru menyuruh murid meletakkan gambar ahli keluarga dari atuk sehingga adik beradik pada pokok lukisan mereka. Guru meminta seorang murid untuk tampil ke 	<p>perhatian semasa guru memperkenalkan bahan yang digunakan semasa aktiviti dijalankan nanti.</p> <ol style="list-style-type: none"> Murid akan menjalankan aktiviti “Pokok Keluarga”. Murid akan membentangkan ahli keluarga mereka di dalam kelas. 	<p>keluarga (nenek, atuk, emak, ayah, kayak, abang, adik)</p> <p>EMK:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kreativiti dan Inovasi Nilai murni <p>Strategi:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemerhatian Ganjaran (Pujian) <p>Intervensi:</p> <ul style="list-style-type: none"> Video Self-Modeling (VSM)
--	---	---	---

	hadapan dan memperkenalkan ahli keluarganya yang di dalam lukisan pokok keluarga.		
Penilaian dan Pentaksiran (20 minit)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Guru memberikan peneguhan dan pujian kepada murid. 2) Guru juga membuat peneguhan dengan bertanyakan ahli keluarga yang terdapat di dalam gambar pokok keluarga yang dipelajari. 3) Guru akan memberikan latihan kepada murid mengenai ahli keluarga. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Murid menjawab soalan yang ditanya oleh guru. 2) Murid menjalankan ujian yang diberikan oleh guru. 	<p>Strategi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemerhatian <p>PAK-21:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan <p>Nilai murni:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menghargai
Penutup/Rumusan (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Guru membuat kesimpulan daripada pengajaran dan pembelajaran hari ini. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Murid memberikan fokus dan mendengar rumusan daripada guru. 	<p>Kaedah:</p> <p>Kaedah lisan.</p>

5.3 ALAT BANTU MENGAJAR (ABM)




Kertas



Pensil warna

KELUARGA SAYA



Kad imbasan keluarga



Projektor




Komputer riba

5.4 ALAT UNTUK MENJALANKAN INTERVENSI VSM



Kamera untuk merakam



Skrip untuk panduan guru



Papan cerita untuk panduan guru



Tablet atau gajet untuk murid menonton VSM

6.0 RUJUKAN

- Angkhana Khantreejitranon. (2018). Using a social story intervention to decrease inappropriate behaviour of preschool children with autism. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 39(1),90-97.
- Chandramogan Ramaian & Dr. Mohd Zuri Ghani (2018), *Autisme*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kathleen M. Schaeffer et. al. (2016). Video Self-Modelling Interventions For Students With Autism Spectrum Disorder. *Intervention In School & Clinic*. Vol. 52(1) 17-24. Hammill Institute On Disabilities.
- Mohd. Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nazir, M. (1988). *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Rakhmanita, E. (2020). *Kajian Psikolinguistik terhadap Gangguan Berbahasa Autisme*. Universitas Sebelas Maret. Hlm, 1-10.
- Tahajuddin, S. B., Kassim, A. W. M., Justine, J., & Ibrahim, I. S. (2021). Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35-48.
- The Australian Parenting Website (2022). *Video Modelling*. Retrieved from [Video-modelling and autism | Raising Children Network](#).